



MAJLIS KEBAJIKAN DAN SUKAN ANGGOTA-ANGGOTA KERAJAAN WILAYAH PERSEKUTUAN (MAKSWIP)

Ruj.Kami :JPA: 332/6/1(29)
Tarikh : 29 Mei 2014

Penaung
Perdana Menteri Malaysia

Yang Dipertua
Ketua Pengarah
Perkhidmatan Awam Malaysia

Semua Setiausaha
Kelab Gabungan MAKSWIP

YBhg. Dato' / Tuan / Puan

KURSUS ASAS SELAM SKUBA MAKSWIP SIRI 1 TAHUN 2014

Dengan segala hormatnya izinkan saya menjemput perhatian YBhg. Dato' / tuan / puan kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa **Majlis Kebajikan dan Sukan Anggota – Anggota Kerajaan Wilayah Persekutuan (MAKSWIP)** dengan kerjasama **Pasukan Mencari dan Menyelamat Khas Malaysia (SMART)** akan menganjurkan program di atas seperti makluman berikut:

Program : **Kursus Asas Selam Skuba MAKSWIP Siri 1 Tahun 2014.**

Tempat : **Pusat Akuatik Nasional Bukit Jalil, Kuala Lumpur.**

Tarikh : **14 – 15 Jun 2014 (Sabtu & Ahad).**

Penyertaan : **Anggota Perkhidmatan Awam yang berkerja di sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya.**

3. Untuk makluman YBhg. Dato' / tuan / puan, objektif kursus ini adalah untuk memberikan pengetahuan dan kemahiran merangkumi teori dan amali peralatan selam skuba dari segi penggunaan dan penjagaannya, teknik selam skuba yang betul dan aspek – aspek keselamatan diri semasa melaksanakan aktiviti selaman skuba.

4. Sehubungan itu, semua ahli Kelab Gabungan MAKSWIP dijemput untuk menyertai kursus ini. Penyertaan adalah terhad kepada 20 orang sahaja berdasarkan **pendaftaran terawal yang diterima.**

5. Bersama – sama ini disertakan borang penyertaan untuk dikembalikan dengan bayaran masuk sebanyak **RM 100.00 [Ringgit Malaysia : Satu Ratus Sahaja]** seorang. Bayaran boleh dibuat dalam bentuk wang tunai atau cek atas nama MAKSWIP. Borang **penyertaan yang lengkap hendaklah dihantar sebelum atau pada 11 Jun 2014 (Rabu)** ke alamat berikut :

Urus setia MAKSWIP

Jabatan Perkhidmatan Awam

Aras 7, Blok C1, Kompleks C

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

625100 PUTRAJAYA

[u.p. Encik Nik Mohd Fitra Wan Jaffar / Burhannuddin Khalid]

No.Tel : 03 – 88853271 / 3268 / 3274

No. Faks : 03 – 88892181

E-mel : fitra.jaffar.jpa@1govuc.gov.my
burhan.khalid@jpa.gov.my

6. Semua peserta disediakan makan / minum, peralatan, insuran dan sijil penyertaan.

7. Di atas perhatian dan kerjasama pihak YBhg. Dato' / tuan / puan, didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

"MAKSWIP Terus Gemilang"

Saya yang menjalankan tugas,



(MOHAMMAD AZHARI BIN SALLEH)

Setiausaha Agung Kehormat

Majlis Kebajikan Dan Sukan Anggota-

Anggota Kerajaan Wilayah Persekutuan

s.k. YBhg. Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal
Yang DiPertua MAKSWIP



MAJLIS KEBAJIKAN DAN SUKAN ANGGOTA-
ANGGOTA KERAJAAN WILAYAH PERSEKUTUAN

**BORANG PENYERTAAN DAN PERAKUAN
KURSUS ASAS SELAM SKUBA MAKS WIP SIRI 1 TAHUN 2014**

TARIKH : 14 – 15 Jun 2014
TEMPAT : Pusat Akuatik Nasional Bukit Jalil, Kuala Lumpur

1. NAMA PENUH : _____
2. NO KAD PENGENALAN : _____ 3. UMUR : _____
4. JANTINA : _____ 5. BANGSA : _____
6. ALAMAT PEJABAT : _____

7. EMAIL : _____ 8. NO. TEL : _____
9. MASALAH KESIHATAN : _____

NAMA DAN ALAMAT KECEMASAN

1. NAMA WARIS : _____
2. ALAMAT : _____
3. HUBUNGAN : _____ 4. NO. TEL : _____

PERAKUAN

Adalah disahkan bahawa saya adalah sihat dan boleh mengikuti **Kusus Asas Selam Skuba Siri 1 MAKS WIP Tahun 2014**. Saya tidak akan membuat sebarang tuntutan kepada pihak penganjur ke atas segala kecurian, kemalangan atau kematian yang mungkin berlaku sebelum, semasa dan selepas aktiviti ini.

Nama Peserta: _____ Tandatangan: _____

Tarikh : _____

PENGESAHAN

Nama Setiausaha: _____ Tandatangan: _____
Ahli Gabungan

Tarikh : _____

COP RASMI: _____